

Penjawat awam terima bayaran khas RM500 Disember ini

Bonus dicadangkan dalam Belanjawan 2019 bakal diterima kakitangan gred 54 ke bawah

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
cnews@nstp.com.my

Putrajaya 14/11/18

Bayaran khas sebanyak RM500 kepada penjawat awam gred 54 dan ke bawah yang dicadangkan dalam Belanjawan 2019 akan dibayar pada Disember ini, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

“Ini kali pertama kita bayar bonus pada tahun sama. Kalau sebelum ini akan bayar tahun berikutnya.

“Bajet 2018 memang tidak ada, tetapi kita akan cari sumber dan kita harap menerusi (hasil) Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang kita dapat, ada tambahan sedikit untuk tampung pembaya-

ran bonus (yang akan dibuat) pada tahun ini.

“Mereka akan mendapat bayaran itu untuk gaji Disember ini yang akan dibayar sebelum 25 Disember,” katanya selepas menghadiri Majlis Mesra Warga Kastam bersama Menteri Kewangan Sempena Sambutan Deepavali 2018 di sini, semalam.

Tanda penghargaan

Kerajaan dalam pembentangan Belanjawan 2019 mencadangkan bayaran khas sebanyak RM500 kepada penjawat awam gred 54 dan ke bawah sebagai tanda penghargaan kepada usaha dan dedikasi penjawat awam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Dalam pada itu, beliau berkata adalah penting untuk warga Ke-

menterian Kewangan terus mengekalkan Kementerian itu sebagai antara Kementerian yang unggul serta berprestasi baik.

“Warga Kementerian ini mesti tumpukan kepada konsep negara, rakyat dan ekonomi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita mesti taat setia dalam mendukung dan menyokong apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Kita mesti pastikan rakyat terutama orang biasa percaya dan yakin bahawa hari esok adalah lebih baik dari hari ini, yang bermaksud mereka boleh mendapat pekerjaan lebih baik, gaji boleh naik. Dengan kata lainnya mereka mempunyai lebih banyak wang untuk berbelanja,” katanya.



Bajet 2018 memang tidak ada, tetapi kita akan cari sumber dan kita harap menerusi (hasil) Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang kita dapat, ada tambahan sedikit untuk tampung pembayaran bonus (yang akan dibuat) pada tahun ini”

Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan